



KOPI PAHIT

Terlebih dahulu, Cemeti al-Farouk mengucapkan selamat berpuasa dan berhari raya kepada pembaca-pembaca. Harap maaf lahir batin sebab Cemeti al-Farouk selalu pakai fatwa Saiyidina ‘Umar – kalau orang salah – melanggar kebenaran mesti diingatkan. Mudah-mudahan pembaca memaafkan – maaf aku – maafkan aku!

* * *

Mula-mulanya kerana bulan puasa bulan suci rasanya Cemeti al-Farouk tidak mahu berkata apa-apa tetapi malam itu sudah jadi terperanjat mendengar radio kerana perintah esoknya mesti berpuasa kerana anak bulan nampak pukul 6.05 di Teluk Kemang. Petang hari itu aku sembahyang Asar terlambat, pukul 6.10 sedang Maghrib 6.28 minit hebat. Bagaimana sih anak bulan Ramadān kelihatan sebelum masuk waktu Maghrib lagi – apakah itu bulan Sha‘abān? Tetapi perintah raja mesti patuh tak banyak soal bulan kalau nampak pada pukul 5.30 petang pun kalau dibilangi puasa – ya puasalah – kita orang awam!

* * *

Haji Sanusi Mahmood Mufti Singapura di dalam akhbar Harian Melayu dikatakan telah menulis mengatakan “... Saya tidak pernah mengatakan bahawa saya pandai walaupun Universiti al-Azhar telah mengakui

saya sebagai seorang alim dengan memberi saya sebuah sijil yang bernama “*al-Shahādah al-‘Alamiyyah*”, jauh sekali saya pernah mengatakan bahawa saya “*bahr fī al-‘ilm*” atau lautan ilmu seperti yang pernah saya dengar dijangkan oleh suatu golongan dari penduduk-penduduk negeri ini” – katanya. Bagaimana? *No komen!*

* * *

Empunya citra ada seorang yang diberi *shahādah* besar oleh al-Azhar pernah memberi ceramah tentang suatu hukum di majlis pemuda-pemudi. Ceramah punya ceramah, apa tahu sudah jadi – cakup permulaan yang dikeluarkannya dan yang akhir sudah berlaga. Apa sudah jadi tahu.”

Akhirnya ia minta tolong sama seorang murid kampung yang tidak ada ijazah buat selesaikan masalah yang kusut yang tidak dapat diputuskannya itu?

Begitulah diploma... dari **Cemeti al-Farouk**.

Darihal Kita

Dengan dukacita dimaklumkan bahawa majalah Qalam keluaran ini terlambat sedikit penerbitannya disebabkan kesibukan kerja-kerja di percetakan kami.

Atas kelambatan itu kita meminta maaf kepada pembaca-pembaca.

Al-Shaykh Mustafa Indragiri Meninggal Dunia

Seorang ulama dan sheikh di Makkah yang terkenal, as-sheikh Mustafa Indragiri telah kembali ke rahmatullah Ta‘ālā di rumahnya, di Makkah pada bulan Sha‘abān yang lalu.

Beliau ialah seorang syeikh haji di Makkah dan seorang guru. Banyak murid-murid dan banyak jasa-jasa almarhum kepada masyarakat Malaya dan Indonesia seperti mengadakan madrasah dan sebagainya.

Beliau adalah dahulunya anggota al-Rābiṭah al-‘Alami al-Islāmī dan beliau telah pernah dihantarkan ke Malaya dan ke Indonesia mewakili Pertubuhan Islam Dunia yang besar. Almarhum adalah ahli masyarakat dan sentiasa suka memberi khidmatnya kepada masyarakat dan agamanya.

Jemaah-jemaah haji yang berjemaah dengan almarhum dikawal dan dijaga dengan keras dan almarhum sendiri setiap waktu mengadakan “kursus” bagi jemaahnya supaya dapat menyempurnakan haji dengan betul.

Usaha keturunan ini adalah diwariskan beliau kepada anaknya bernama Mohammad Ali Indragiri, *qarārah* Makkah yang terpaksa meletakkan jawatannya menjadi Ketua Polis Seluruh Saudi Arabia.

Kepada sahabat handai, yang membaca berita ini diminta bersedekah al-Fātiḥah untuk roh almarhum dan berdoa bersama-sama kami semoga Allah lapangkan rohnya di dalam kubur dan ditempatkan di dalam *Jannah* yang mulia serta diberi taufik dan sabar kepada keluarganya – amin.